

Dr. M: Waspada kesan FTA Malaysia-AS

KUALA LUMPUR 22 Mac - Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) mungkin mendatangkan kesan buruk kerana pelbagai pihak di negara itu mahu mendapatkan akses kepada sektor pemerolehan kerajaan di negara ini, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau difahamkan bahawa masyarakat perniagaan AS amat berminat terhadap pemerolehan kerajaan, yang digunakan bagi memperbetulkan ketidakseimbangan di bawah Dasar Eko-

nomi Baru (DEB), dan mahu mendapatkan akses kepadanya.

Bagaimanapun, kerajaan menggunakan ini bagi memperbetulkan ketidakseimbangan di bawah DEB untuk memberi peluang kepada Bumiputera, kata beliau.

"(Jadi) jika kita kehilangan itu, kita tidak akan dapat memperbetulkannya (kemudian nanti)," tegas beliau apabila diminta mengulas mengenai FTA yang diharapkan dapat ditandatangani tahun depan oleh Malaysia dan AS.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian mesyuarat Suruhanjaya Visi 1440 Hijrah Bank Pembangunan Islam (IDB) ketiga di sini hari ini.

Beliau adalah Pengerusi Suruhanjaya tersebut.

"Kalau tanya saya, saya bimbang FTA dengan AS itu mungkin mendatangkan kesan buruk kepada kita," katanya sambil menarik perhatian bahawa FTA dengan Jepun juga tidak banyak memberi faedah kepada Malaysia.

FTA dengan Jepun membolehkan negara itu mengeksport barangan di kilang mereka ke Malaysia termasuk kereta. Sebagai balasan, Malaysia boleh mengeksport sayur-sayuran dan barangan.

"Kita bukannya pengeluar sayur-sayuran dan buah-buahan yang hebat, dan ini adalah benda yang rendah nilainya.

"Bagi saya, nampaknya FTA dengan Jepun tidak memberi faedah kepada kita," tegasnya.